



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 29 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	TIDAK BEKERJA BUKAN ALASAN BERTAHAN DIDERA SUAMI - PAKAR		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/gaya-hidup/wanita/2025/01/1354631/tidak-bekerja-bukan-alasan-bertahan-didera-suami-pakar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-bekerja-bukan-alasan-untuk-bertahan-didera-suami-pakar-506319	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/bfokus/news.php?id=2387325	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1181274/tidak-bekerja-bukan-alasan-untuk-bertahan-walaupun-didera-suami-pakar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/28/no-excuse-for-enduring-abuse-say-experts	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php/news.php?id=2387326	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/isteri-tidak-bekerja-bukan-alasan-untuk-didera/#:~:text=dan%20keselamatan%20wanita.-,Dr.,mental%2C%20emosi%2C%20dan%20seksual.	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2387326	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	OPERASI Mencari KANAK-KANAK SEMBILAN TAHUN YANG DIKHUATIRI LEMAS DITERUSKAN		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/operasi-mencari-kanakkanak-sembilan-tahun-yang-dikhuatiri-lemas-diteruskan-506351	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1354655/operasi-mencari-kanak-kanak-9-tahun-dikhuatiri-lemas-diteruskan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2387471	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BICARA KES IBU BAPA ABAI ZAYN RAYYAN PADA 3 FEB		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2387432	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bicara-kes-abai-zayn-rayyan-isnin-depan-tidak-tangguh-506360	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/bicara-kes-ibu-bapa-abai-zayn-rayyan-pada-3-feb-IP13586934	THESUN.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/732996	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/28/bicara-kes-ibu-bapa-abai-zayn-rayyan-pada-3-feb	UTUSANBORNEO.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709675/berita/semasa/bicara-kes-abai-zayn-rayyan-isnin-depan-tidak-tangguh	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1354649/bicara-kes-pasangan-abai-zayn-rayyan-bermula-isnin-depan	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/28/bicara-zayn-rayyan-jalan-ikut-jadual-permohonan-penangguhan-ditolak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1181358/bicara-zayn-rayyan-bermula-isnin-depan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PERMOHONAN IBU BAPA ZAYN RAYYAN TANGGUH BICARA DITOLAK		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/01/permohonan-ibu-bapa-zayn-rayyan-tangguh-bicara-ditolak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/28/mahkamah-tolak-permohonan-ibu-bapa-zayn-rayyan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MASYARAKAT MAKIN PEKA ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/709619/suara-sinar/analisis-sinar/masyarakat-makin-peka-isu-keganasan-rumah-tangga	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MAYAT ADIK DIJUMPAI LEPAS 15 JAM LEMAS DI TALI AIR		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/28/mayat-adik-dijumpai-lepas-15-jam-lemas-di-tali-air/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1181339/dua-beradik-lemas-mayat-adik-ditemukan-selepas-16-jam-hilang	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PASANGAN KEKASIH SOROK MAYAT BAYI DALAM BEG DISAMBUNG REMAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/28/pasangan-kekasih-sorok-mayat-bayi-dalam-beg-disambung-remam/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tidak bekerja bukan alasan bertahan didera suami - Pakar

Oleh Bernama - Januari 28, 2025 @ 12:09pm



Foto hasan

KUALA LUMPUR: Kisah wanita menjadi mangsa penderaan dalam rumah tangga, baik secara fizikal ataupun mental khususnya oleh suami, sudah menjadi cerita biasa dalam masyarakat masa kini.

Malah, lebih tragik, ada juga kes yang berakhir dengan kematian, sama ada isteri ataupun suami itu sendiri.

Apabila berlaku kes sebegini, masyarakat umumnya melontarkan pertanyaan mengapa si isteri tidak bertindak keluar dari rumah dan membebaskan dirinya daripada suami yang zalim?

Lazimnya, jawapan yang biasa didengar ialah si isteri tidak bekerja dan bergantung sepenuhnya pada suami, selain dia juga tidak sanggup dicap sebagai nusyuz (tidak taat kepada suami) dan berkemungkinan besar kehilangan hak penjagaan anak.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak 12,324 kes membabitkan keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara dalam tempoh lima tahun sejak 2019.

Namun, tidak dapat disangkal angka sebenar mungkin lebih besar memandangkan tidak semua mahu tampil kepada pihak berkuasa atas pelbagai alasan yang hanya mereka sendiri ketahui.

Dilema nusyuz

Merungkal permasalahan ini, pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA, Dr Khairul Azhar Meerangani, berkata Islam memberikan hak kepada seorang isteri untuk meninggalkan perkahwinan yang penuh kezaliman demi keselamatan dirinya.

Beliau berkata, ini kerana suami yang berlaku zalim telah melanggar tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga, justeru tindakan keluar daripada perkahwinan sedemikian bukan satu bentuk penderhakaan, sebaliknya iktihar perlindungan diri yang dibenarkan oleh syariat.

Mengulas lanjut, Khairul Azhar berkata pada dasarnya nusyuz adalah suatu label yang digeruni isteri sehingga mendorong mereka menerima segala perbuatan suami tanpa banyak soal.

"Sebenarnya nusyuz menunjuk penderhakaan isteri terhadap hak dan ketaatannya tanpa sebab yang diharuskan oleh syarak. Dalam erti kata lain, sekiranya ada sebab yang kukuh di sisi syarak seperti mudarat fizikal dan mental, maka diharuskan bagi isteri untuk meninggalkan rumah demi menyelamatkan diri daripada bahaya tersebut.

"Menurut Syaikh Muhammad al-Zuhayli, isteri yang dizalimi disarankan memberi peringatan kepada suami mengenai akibat buruk perbuatan zalim yang dilakukan. Sekiranya suami berubah dan memperbaiki dirinya, itu adalah tindakan terbaik.

"Namun, jika suami enggan berubah, isteri hendaklah membawa perkara itu kepada perhatian hakim untuk menuntut haknya," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Tambah beliau, hakim berperanan mengembalikan hak kepada yang berhak kerana isteri mungkin tidak mampu melakukannya sendiri.

"Jika suami terus mengulangi perbuatannya, isteri berhak memohon kepada hakim agar tindakan sewajarnya diambil terhadap suaminya," kata beliau.

Justeru, katanya, seseorang isteri yang keluar dari rumah akibat tidak tahan dizalimi suaminya, tidak termasuk dalam kategori nusyuz.

"Dalam Islam, nusyuz hanya berlaku jika isteri sengaja enggan melaksanakan tanggungjawab tanpa sebab yang dibenarkan. Sebaliknya, penderaan oleh suami boleh membatalkan haknya untuk ditaati. Suami yang menganiayai isterinya telah melanggar syariat dan merosakkan konsep perkahwinan yang harmoni," katanya.

Tambah Khairul Azhar, dalam konteks penderaan, isteri tidak wajib mematuhi suami yang zalim kerana ketaatannya hanya diwajibkan dalam perkara yang tidak melanggar hukum Allah.

"Seperti sabda Rasulullah SAW berbunyi: *Tidak ada ketaatannya kepada makhluk dalam perkara yang membawa kepada maksiat kepada Pencipta (Allah SWT). Sesungguhnya (kejayaan) taat (hanya) pada (perkara) kebaikan (Hadis Riwayat al-Bukhari).*"

Beliau berkata, suami yang menganiayai isterinya telah melakukan maksiat (penderhakaan) terhadap perintah Allah dan Rasul-Nya.

Hak keluar dari perkahwinan toksik

"Dalam berdepan situasi ini, Islam menyediakan jalan keluar, sama ada menerusi perceraian, fasakh (pembubaran perkahwinan) atau khuluk (tebus talak).

"Ini bertujuan melindungi hak dan keselamatan para wanita daripada bertenusan menjadi mangsa penderaan dan keganasan rumah tangga," katanya.

Khairul Azhar berkata, definisi keganasan rumah tangga dari sudut Islam bermaksud sebarang bentuk kezaliman atau penganiayaan yang dilakukan oleh seseorang terhadap ahli keluarganya termasuk isteri, dan ia boleh berlaku dalam bentuk fizikal, mental, emosi dan seksual.

"Keganasan rumah tangga ini bercanggah dengan prinsip Islam yang menekankan kasih sayang dan keharmonian dalam rumah tangga. Mereka yang melakukan keganasan sebenarnya menyanggah petunjuk sunah kekeluargaan yang dianjurkan oleh Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW: *'Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling baik terhadap isterinya dan aku adalah orang yang paling baik terhadap isteriku.'* (Hadis Riwayat Ibn Majah).

"Justeru hadis ini jelas menunjukkan bahawa Islam melarang segala bentuk keganasan terhadap isteri, sebaliknya menggalakkan layanan baik," katanya.

Tindakan

Khairul Azhar berkata, antara tindakan yang boleh diambil oleh suri rumah yang menjadi mangsa keganasan suami ialah melaporkan kepada pihak berkuasa.

"Isteri boleh membuat laporan polis atau memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Perintah Perlindungan Sementara (IPO) atau Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) untuk melindungi diri daripada suami yang ganas.

"Wanita teraniaya boleh memohon fasakh atau khuluk melalui mahkamah syariah. Isteri boleh memohon pembubaran perkahwinan kerana prosedur berkenaan dibenarkan dalam kes penderaan fizikal atau mental," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihati wanita tidak bekerja agar mempersiapkan diri dengan menguasai ilmu kemahiran bagi mencapai tahap kewangan yang lebih baik tanpa perlu bergantung sepenuhnya pada suami yang zalim.

Tambahnya, selain menjadikan isteri lebih berkaki, ia juga memberikan kekuatan tambahan buat wanita untuk terus tabah menempuh cabaran mendatang.

Berhubung kebimbangan seorang wanita tidak bekerja akan kehilangan anak selepas nekad melarikan diri, Khairul Azhar berkata dalam undang-undang Islam, hak penjagaan anak (hadanah) lebih mengutamakan kesejahteraan anak.

"Isteri juga tidak perlu khuatir dengan beban kewangan yang perlu ditanggung bagi menguruskan keperluan anak-anak. Ini kerana wanita yang dianiaya berhak menuntut perbelanjaan wajar daripada pihak suami menerusi prosedur mahkamah, antaranya nafkah iddah, mutaah serta harta penencarian.

"Isteri tidak bekerja juga boleh menuntut harta berasaskan sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh perkahwinan (seperti pengurus rumah tangga dan sebagainya)," jelasnya.

Hak perundangan

Sementara itu, menerusi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Seksyen 2 memperuntukkan permasalahan keganasan rumah tangga merangkumi pelakuan satu perbuatan atau lebih, seperti dengan sengaja atau dengan disedari, meletakkan atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal.

Peguam Muhammad Hariz Md Yusoff berkata, seksyen berkenaan turut meliputi penderaan seperti mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaannya; mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, mengalami tekanan serta menyebabkan penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi.

"Pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk perlindungan kecemasan atau hubungi talian Nur Kasih 15999. Selain itu, mereka juga boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Interim yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

"Mengikut seksyen itu, mangsa keganasan rumah tangga boleh memohon perintah perlindungan interim di mahkamah untuk menghalang suami daripada terus melakukan keganasan sementara siasatan polis sedang berlangsung," katanya.

Peguam syarie di Tetuan Hariz Syakina & Co itu berkata, apabila prosiding jenayah bermula terhadap si suami, maka si isteri perlu membuat permohonan perintah perlindungan di mahkamah di bawah Seksyen 5 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

"Menurut Seksyen 7 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa orang yang dalam perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim dibuat berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal sebenar kepada orang dilindungi, mahkamah hendaklah menyertakan suatu kuasa penangkapan pada perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu.

"Tidak bekerja bukan alasan untuk terus bertahan dalam perhubungan yang berbahaya. Negara ini menyediakan sokongan undang-undang dan perlindungan bagi wanita yang berada dalam situasi berkenaan (penderaan)," katanya.

KUASAI ILMU

Justeru, peguam itu menasihati wanita di luar sana untuk terus bangkit dan tidak membiarkan diri leras dalam keganasan suami.

Menurut Muhammad Hariz, wanita tidak bekerja perlu memiliki keyakinan diri, keberanian dan pengetahuan mengenai hak mereka.

"Mereka harus sedar, tidak ada yang salah dalam melarikan diri daripada penderaan dan wanita berhak mendapatkan perlindungan serta keadilan. Dalam kes yang lebih sukar ia memerlukan sokongan daripada peguam atau organisasi yang membantu kaum Hawa teraniaya," katanya.

Beliau berkata, biarpun hanya suri rumah, wanita jangan sesekali berdiam diri dan perlu tahu bahawa mereka juga berhak mendapatkan perlindungan.

"Jangan takut untuk membuat laporan atau mencari bantuan. Carilah sokongan sama ada daripada keluarga, rakan-rakan atau organisasi kebajikan selain sokongan luar yang boleh memberi kekuatan," katanya.

Begitu juga dengan hak penjagaan anak, pengamal undang-undang itu berkata, dalam sistem undang-undang, seorang isteri yang melarikan diri daripada keganasan rumah tangga berhak memohon hak penjagaan anak.

"Hak penjagaan anak akan ditentukan oleh mahkamah syariah berdasarkan kesejahteraan dan kepentingan terbaik anak tersebut. Tidak bekerja bukan alasan untuk menghalang hak penjagaan anak-anak.

"Wanita perlu memfailkan fasakh di mahkamah supaya mahkamah boleh memfaraqkan (membubarkan) pernikahan jika suami enggan lafaz cerai. Selepas itu mereka boleh failkan permohonan hadanah (hak penjagaan anak-anak) di mahkamah dengan melampirkan sabitan yang dikenakan terhadap suami atas kesalahan keganasan rumah tangga," katanya.

Beliau berkata, lazimnya mahkamah akan menimbang keadaan yang lebih besar dalam menentukan penjagaan anak termasuk kesejahteraan emosi dan keselamatan mereka.

Tambah Muhammad Hariz, seorang isteri juga perlu mengenali hak mereka sebagai suri rumah serta harus mempelajari hak-hak mereka agar dapat bertindak dengan tepat dan cekap jika berlaku penderaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Operasi mencari kanak-kanak sembilan tahun yang dikhuatiri lemas diteruskan

Bernama

28/01/2025 14:15 MYT



Pencarian hari ini meliputi kawasan radius dua kilometer dari Rumah Pam Taman Kemang, selain melakukan rondaan di sekitar Sungai Johor. - Gambar fail/Sinar Harian

KOTA TINGGI: Operasi mencari dan menyelamat (SAR) kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun yang dikhuatiri lemas selepas dipercayai terjatuh ke dalam longkang ketika cuba mengambil selipar di Jalan Kundang, Taman Kota Jaya di sini semalam, diteruskan hari ini.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi Supt Yusof Othman berkata operasi mencari Mohammad Rayyan Alif Mohd Sharif diteruskan sekitar pukul 8.30 pagi, selepas dihentikan pada 12 tengah malam tadi, kerana tiada petunjuk ditemukan.

Beliau berkata pasukan SAR terdiri daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi, Balai Bomba dan Penyelamat Kota Tinggi, Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) negeri serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Pencarian hari ini meliputi kawasan radius dua kilometer dari Rumah Pam Taman Kemang, selain melakukan rondaan di sekitar Sungai Johor," katanya dalam kenyataan hari ini.

Yusof berkata siasatan awal mendapati mangsa cuba mengambil seliparnya yang jatuh ke dalam longkang besar sebelum terjatuh dan dibawa arus air deras.

"Rakan mangsa yang berada di lokasi kejadian telah bertindak menjerit meminta bantuan dan didengari orang awam sebelum memaklumkan kejadian itu kepada pihak polis," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bicara Kes Ibu Bapa Abai Zayn Rayyan Pada 3 Feb

🕒 28/01/2025 03:49 PM



Ibu Zayn Rayyan, Ismanira Abdul Manaf (sin) hadir di mahkamah bagi sebutan kes didakwa mengabaikan anak autistiknya, Zayn Rayyan Abdul Matin, dengan cara kemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal terhadapnya di Mahkamah Petaling hari ini.

PETALING JAYA, 28 Jan (Bernama) -- Perbicaraan kes ibu bapa kepada kanak-kanak autistik Zayn Rayyan Abdul Matin yang berdepan dengan pertuduhan mengabaikan kanak-kanak itu dengan cara kemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal terhadapnya akan bermula pada 3 Feb ini di Mahkamah Sesyen di sini.

Hakim Dr Syahliza Warnoh memutuskan demikian selepas menolak permohonan peguam Hareesh Mahadevan yang mewakili Zaim Ikhwan Zahari dan isterinya Ismanira Abdul Manaf untuk melapangkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada Februari dan Mac ini, sementara pelupusan notis usul bagi membatalkan pertuduhan itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

"Oleh kerana, permohonan (notis usul) itu masih belum didengar di Mahkamah Tinggi (Shah Alam), mahkamah akan teruskan dengan perbicaraan pada 3 hingga 7 Feb ini," kata Syahliza semasa sebutan kes itu.

Mahkamah sebelum ini menetapkan perbicaraan kes berkenaan pada 3 hingga 7 Feb, 17 hingga 21 Feb dan 10 hingga 14 Mac ini.

Terdahulu, Hareesh memohon tarikh perbicaraan yang dijadualkan pada Februari dan Mac dilapangkan kerana jika diteruskan, ia akan memprejudiskan kedua-dua anak guamnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kamarul Iman Ahmad Sapian.

Menerusi notis usul itu, Zaim Ikhwan dan Ismanira memohon mereka dilepas dan dibebaskan serta-merta daripada pertuduhan berkenaan yang tidak mendedahkan sebarang kesalahan di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001.

Antara alasan lain dikemukakan ialah pertuduhan yang dihadapi mereka tidak mengandungi butir-butir yang mencukupi mengenai sebarang unsur kesalahan di bawah Seksyen 31.

Pada 13 Jun tahun lepas, Zaim Ikhwan dan Ismanira, kedua-duanya berumur 30 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas satu pertuduhan mengabaikan kanak-kanak autistik berusia enam tahun itu dengan cara kemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal terhadapnya di sekitar jalan PJU Damansara Damai di sini pada 12 tengah hari, 5 Dis hingga 9.55 malam, 6 Dis 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31 (1) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 6 Dis 2023, mayat Zayn Rayyan ditemukan di aliran anak sungai berhampiran rumahnya di Apartment Idaman, Damansara Damai dekat sini selepas dilaporkan hilang sehari sebelumnya.

Kanak-kanak itu dipercayai dibunuh apabila hasil bedah siasat menemukan kesan kecederaan pada leher serta badannya akibat mempertahankan diri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Permohonan ibu bapa Zayn Rayyan tangguh bicara ditolak



ISMANIRA Abdul Manaf (kiri) ketika tiba di Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA 28 Januari 2025, 2:19 pm

PETALING JAYA: Mahkamah Sesyen di sini hari ini menolak permohonan pasukan pembelaan ibu bapa kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matin untuk menangguhkan perbicaraan sementara menunggu keputusan permohonan gugur diputuskan.

Hakim Dr. Syahliza Warnoh memutuskan demikian selepas peguam bela, Haresh Mahadevan yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon penangguhan perbicaraan yang dijadualkan bermula Isnin depan sehingga permohonan itu dilupuskan.

"Pada prosiding lalu, mahkamah telah meminta pihak pendakwaan dan pembelaan memaklumkan status notis usul itu hari ini.

"Disebabkan permohonan tersebut masih belum didengar di Mahkamah Tinggi, maka mahkamah akan meneruskan dengan perbicaraan pada bulan hadapan," katanya.

Terdahulu, Haresh memaklumkan permohonan anak guamnya untuk membatalkan pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka masih belum didengar.

Katanya, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menerima salinan termeterai notis itu dan mengesahkan pengurusan kes akan dibuat di hadapan Timbalan Pendaftar pada Selasa minggu hadapan.

"Kami mohon tarikh-tarikh bicara yang ditetapkan pada Februari dan Mac hadapan dilapangkan sementara menunggu pelupusan permohonan notis usul terbabit," katanya.

Pada 21 Januari lalu, prosiding terdahulu, ibu bapa kepada Zayn Rayyan iaitu Zaim Ikhwan Zahari, dan Ismanira Abdul Manaf memfailkan permohonan agar mereka dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan mengabaikan kanak-kanak autisme itu.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Kamarul Iman Ahmad Sapian mengesahkan pihak pendakwaan telah menerima salinan permohonan notis usul yang dikemukakan kedua-dua tertuduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

"Jumaat lalu, pihak pendakwaan telah menerima salinan permohonan menerusi emel daripada pihak pembelaan. Saya percaya telah ditetapkan sebutan kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 4 Februari ini.

"Susulan itu, pihak pendakwaan akan memfailkan affidavit berhubung permohonan berkenaan di Mahkamah Tinggi. Dengan itu, mohon arahan lanjut daripada mahkamah berhubung permohonan penangguhan prosiding oleh pembelaan dan pihak pendakwaan juga ingin memaklumkan, kami bersedia untuk perbicaraan," katanya.

Berdasarkan notis usul terbabit, pasangan itu memohon kes berkenaan dibatalkan dengan alasan pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka tidak mendedahkan sebarang kesalahan di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001.

Pada 13 Jun 2024, Zaim Ikhwan dan Ismanira didakwa dan mengaku tidak bersalah mengabaikan anak mereka.

Mengikut pertuduhan, sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap anak mereka yang berusia enam tahun, pasangan tersebut didakwa bersama-sama mengabaikan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara pukul 12 tengah hari, 5 Disember dan 9.55 malam, 6 Disember 2023, di sekitar jalan PJU 10/1 Damansara Damai di sini.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksan yang memperuntukkan denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Masyarakat makin peka isu keganasan rumah tangga



AZLEENDA SAHALUDIN [Follow](#)

28 Januari 2025 07:45am



Laporan Sinar Harian mengenai polis kesan suspek tampar isteri di pusat beli-belah.

TINDAKAN seorang lelaki menampar wanita dipercayai isterinya yang terakam dalam satu siaran langsung di media sosial tular baru-baru ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat, khususnya mengenai isu keganasan dalam rumah tangga.

Meskipun pihak polis sedang menjalankan siasatan dan mengesan lelaki terbabit namun, kejadian itu jelas membuktikan tindakan sedemikian boleh memberi kesan jangka panjang selain turut mengakibatkan trauma.

Menurut Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman, laporan yang dibuat oleh adik kepada mangsa mengesahkan kakaknya berusia 35 tahun telah ditampar suaminya berusia 59 tahun.

Katanya, polis kini sedang dalam proses merakam keterangan saksi berkenaan kejadian itu dan pada masa sama giat mengesan keberadaan suspek.

Siasatan polis berhubung insiden berkenaan menunjukkan pihak berkuasa mengambil serius terhadap laporan yang diterima dan tidak memandang ringan isu melibatkan keganasan rumah tangga.

Bahkan, pengaruh media sosial memainkan peranan penting dalam mendedahkan kejadian itu membuktikan masyarakat hari ini semakin peka terhadap isu sosial dan lebih berani membongkarkan perkara yang mungkin terjadi secara tersembunyi.

Justeru, keprihatinan masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga perlu dipupuk menerusi pendidikan dari awal bagi mencegah ia berlaku dalam sesebuah keluarga.

Masyarakat juga perlu lebih peka dan memberi sokongan kepada mangsa selain turut bertindak melaporkan sebarang kejadian berunsur keganasan yang berlaku.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat adik dijumpai lepas 15 jam lemas di tali air

Oleh ROHANA MOHD. NAWI 28 Januari 2025, 11:49 am



Anggota polis dan bomba mengangkat mayat Muhammad Asadullah yang dijumpai lemas di tali air di Kampung Kubang Telaga Bata, Bachok hari ini. Foto oleh ROHANA MOHD. NAWI/ KOSMO!

BACHOK – Mayat seorang kanak-kanak yang lemas selepas terjatuh ke dalam tali air di Kampung Kubang Telaga Bata di sini petang semalam dijumpai hari ini selepas lebih 15 jam hilang di kawasan tersebut.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, Mohd. Zamizi Muhamad berkata, mayat Muhammad Asadullah Zehan, 11, ditemukan kira-kira pukul 9.40 pagi tadi kira-kira enam meter dari lokasi dia dipercayai terjatuh.

“Seramai 19 anggota bersama sebuah jentera, tiga trak pikap dan sebuah bot digunakan sepanjang operasi mencari mangsa.

“Mayat kanak-kanak itu diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut,” katanya ketika dihubungi pemberita di sini hari ini.

Kosmo! Online semalam melaporkan, niat murni seorang abang untuk menyelamatkan adiknya yang terjatuh ke dalam tali air berakhir dengan tragedi apabila kedua-dua mereka lemas di Kampung Kubang Telaga di sini.

Mangsa, Muhamad Amirul Mukminin Zehan, 17, dijumpai oleh Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat kira-kira pukul 8.25 malam tadi, namun adiknya, Muhammad Asadullah ketika itu masih hilang. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pasangan kekasih sorok mayat bayi dalam beg disambung reman

Oleh NOR AINNA HAMZAH 28 Januari 2025, 12:06 pm



KEDUA-dua suspek disambung reman tujuh hari lagi untuk membantu siasatan.

PORT DICKSON – Pasangan kekasih yang ditangkap sebelum ini kerana dipercayai menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian seorang bayi disambung reman tujuh hari lagi.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Maslan Udin berkata, perintah kebenaran sambung reman dikeluarkan Majistret Hairun Najmi Mashahadi bermula hari ini hingga 4 Februari depan untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Semalam, Maslan berkata, jenazah bayi berkenaan sudah pun diserahkan kepada keluarga suspek perempuan untuk dikebumikan.

“Penyerahan dilakukan selepas bedah siasat selesai dan jenazah telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Taman Intan Perdana, Telok Kemang,” katanya.

22 Januari lalu, media melaporkan sepasang kekasih masing-masing berusia 18 tahun dan 21 tahun ditangkap polis di dua lokasi berasingan di daerah ini malam semalam selepas dipercayai menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian kepada seorang bayi perempuan.

Siasatan lanjut yang dijalankan oleh pihak polis telah menemui bayi tersebut yang disembunyikan dalam beg di sebuah bilik di Taman Intan Perdana, Telok Kemang. – KOSMO! ONLINE